

Miqat Haji Dan Umrah

Miqat ialah sempadan bagi jemaah untuk menjatuhkan niat ihram, kerana menunaikan ibadat haji atau umrah

Miqat ihram haji terbahagi kepada dua:

1. Miqat zamani (*sempadan masa*)
2. Miqat makani (*sempadan tempat*)

Miqat Zamani

Musim Haji


Firman Allah:

Alhajju asyhurun ma'luumaatun.

Artinya: Masa mengerjakan haji dalam bulan-bulan tertentu (Al-Baqarah:197).

Ianya merangkumi bulan Syawal, Zulkaedah dan malam ke 10 dari bulan Zulhijjah sehingga terbit fajar pagi Hari Raya Aidiladha.

Grafik Miqat Makani Haji Dan Umrah



Tidak Berniat Ihram Ketika Melalui Miqat

Barangsiapa yang datang ke Makkah dengan maksud mengerjakan haji atau umrah, maka apabila sampai di Miqat atau ditempat yang sejajar dengannya, hendaklah berihram, berniat haji atau umrah. Kalau tidak berbuat demikian maka ia telah meninggalkan wajib ia dikenakan dam (denda).

Di Dalam Tanah Haram Makkah

Para jamaah yang sedang berada di Tanah Haram Makkah mahu mengerjakan haji, berihram di Makkah sahaja, sama ada mereka itu penduduk Makkah atau perantau, tetapi sekiranya mereka berazam mengerjakan umrah, hendaklah keluar ke Tanah Halal.

Berihram Di Jeddah

Ada terdapat khilaf para ulama. Ibnu Hajar menyatakan miqat, kerana jaraknya dengan Yalamlam ke Makkah sama, tetapi ada yang menyanggahnya. Adalah lebih selamat berihram sebelum sampai ke Jeddah, kerana pesawat yang mendarat sudah melalui satu miqat.

(Penyelarasan Bengkel Penceramah Kursus Haji 1419H/1998M), anjuran Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

1. **Jimak** – Haram keatas orang yang berhram melakukan jimak. Jimak membatalkan ibadat hajinya. Ia wajib menyempurnakan ibadat hajinya dan wajib qada' pada tahun hadapan
2. **Pendahuluan Jimak** - Haram keatas orang yang berhram melakukan apa-apa saja pendahuluan jimak. Saperti bercium, bergurau senda dan sebagainya

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

- 3. Melakukan jahat dan maksiat** – Haram keatas orang yang berhram melakukan perkara-perkara jahat dan maksiat yang boleh menyebabkan seseorang itu jauh dari mentaati Allah s.w.t.
- 4. Berkelahi** - Bertengkar, berkelahi dengan kawan-kawan, khadam atau orang lain, adalah dilarang dalam masa berhram. Ini sesuai dengan firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 197

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

5. **Memakai pakaian berjahit** – Orang lelaki yang berihram adalah haram keatasnya memakai pakaian yang berjahit atau yang bersarung, seperti seluar, baju dan sarung, termasuklah yang disemat atau
6. **Akad Nikah** - Haram bagi orang yang berihram melakukan akad nikah. Yakni ijab dan kabul. Haram keatasnya bernikah (*kabul*) dan bernikah (*ijab*). Tidak ada *dam* atau *fidyah* kerana akad nikahnya tidak sah.

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

7. **Mengerat kuku** – Orang yang berihram adalah haram baginya mengerat kuku. Tetapi diharuskan mengerat kuku yang pecah dan menyakitkan.
8. **Memakai bau-bauan** - Diharamkan bagi orang yang berihram memakai bau-bauan pada badan atau pakaian. Bau-bauan yang dipakai sebelum berihram tidak diharamkan, tetapi eloklah jika ia dibasuh.

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

9. **Menggugurkan rambut** – Haram menggugurkan rambut ketika berihram, sama ada rambut dikepala atau rambut yang lain (*bulu*).

10. **Berburu binatang halal** - Orang yang berihram, adalah haram keatasnya memburu binatang halal, sama ada berburu sendiri atau menyuruh orang lain, memakan dagingnya atau telornya.

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

11. **Menutup kepala** – Haram bagi lelaki yang berhram menutup kepalanya, atau sebahagian dari kepalanya dengan menutup kepala. Saperti songkok, kopiah, serban, topi dan sebagainya. Boleh memakai payung atau berteduh dibawah naungan.
12. **Menutup muka** – Haram bagi perempuan yang berhram menutup mukanya, atau sebahagian dari mukanya dengan sesuatu yang dinamakan penutup. Saperti sapu tangan atau kain.

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

13. **Memakai sarung tangan** – Haram bagi perempuan yang berhram memakai sarung tangan.
14. **Memakai minyak rambut** – Diharamkan memakai apa juga jenis minyak rambut atau janggut, walaupun sehelai bagi yang berhram.
15. **Memotong / mencabut pokok** – Haram memotong / mencabut pokok-pokok kayu atau tumbuh-tumbuhan di Kedua Tanah Haram, atau Waj Taif

Yang Di Haramkan Dalam Masa Ihram

16. **Memakai kasut** – Diharamkan bagi lelaki yang berihram memakai apa jua jenis kasut yang menutup tumit dan kepala anak jarinya atau menutup sebahagian besar dari kakinya.

17. **Memindahkan tanah** – Diharamkan kepada yang berihram, dari memindahkan tanah, pasir dan batu-batu dari tanah haram ke tanah halal.

Peringatan

1. Dam Tertib dan Takdir – Tidak boleh berpindah
2. Dam Tertin dan Takdil – Boleh berpindah ikut susunan
3. Dam Takhyir dan Takdir – Boleh memilih
4. Dam Takhyir dan Takdil – Boleh dipindahkan